

Lelaki dipenjara lima bulan kerana salah guna dadah

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara lima bulan terhadap seorang lelaki berusia 43 tahun selepas dia mengaku bersalah atas tuduhan menyalahgunakan dadah.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan turut memerintahkan Abang Hassan Abang Mohamad yang beralamatkan di Spaoh dan tidak diwakili peguam itu,

untuk menjalani pengawasan selama dua tahun.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Kuching pada 5 Disember 2023 sekitar jam 3.20 pagi.

Tertuduh disahkan positif Amphetamine dan Methamphetamine, yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta

Dadah Berbahaya 1952.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 15(1)(a), Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 15(1) Akta sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda tidak melebihi RM5,000 dan pengawasan serta-merta untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun, jika sabit kesalahan.